

Dr. Abang Ishar AY, Ph.D

Psikologi Islam



PSIKOLOGI ISLAM

Dr. Abang Ishar AY, Ph.D



PSIKOLOGI ISLAM

Hak Cipta dilindungi undang-undang
All rights reserved
©2023, Indonesia: Pontianak

PENULIS:

Dr. Abang Ishar AY, Ph.D

Cover dan Layout

Bagus Junaedy

Diterbitkan oleh:
IAIN Pontianak Press
Jl. Letjend Soeprapto No. 19 Pontianak 78121
Telp/Fax. (0561) 734170

xii+468 Page, 16 cm x 24 cm

Cetakan Pertama: Oktober 2023

SEKAPUR SIRIH
TAN SRI DATUK AMAR (DR) HAJI ABDUL AZIZ
BIN DATO HAJI HUSAIN
Yang Di-Pertua HIKMAH Negeri Sarawak

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan berkah dan rahmat-Nya kepada kita semua, serta selawat dan salam dihaturkan untuk junjungan Nabi Muhammad SAW.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada **Dr. Abang Ishar bin Abang Yaman**, yang telah berjaya menulis karya ilmiah bertajuk **Psikologi Islam**. Karya ini menghuraikan indera, otak (*al-aql*), fikiran dan pelbagai tingkah laku manusia dari perspektif teori psikologi moden, kemudian diadunkan dengan ayat-ayat al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Buku ini juga menjelaskan pelbagai pengaruh psikologi aktiviti solat lima waktu dan membaca al-Quran terhadap kecerdasan emosi, intuisi dan inteligensi. Ini bermakna buku ini memberi maklumat penting tentang strategi membina kecerdasan emosi, inteligensi dan rohani sama ada secara bersendirian, berjamaah atau berkumpulan.

Untuk keperluan ilmu pengetahuan, buku ini sangat sesuai dibaca oleh semua kalangan. Kerana bahasanya sederhana dan mudah difahami serta dapat menambah ilmu pengetahuan tentang psikologi manusia yang bercorak Islami. Selain itu, buku seperti ini jarang-jarang dijumpai di toko-toko buku, disebabkan belum ada ilmuwan yang menulisnya dengan menggunakan pendekatan Islam.

Buku ini juga menjelaskan beberapa contoh tingkah laku, pemikiran manusia yang menyimpang serta menafikan kuasa Tuhan di zaman dahulu. Kesudahannya tingkah laku dan pemikiran seperti ini akhirnya membawa kerosakan dan kebinasaan umat-umat terdahulu. Oleh itu, fakta sejarah seperti ini yang dijelaskan secara mendalam dalam buku Psikologi Islam ini, perlu diambil pengajaran (*ibrah*) untuk semua manusia. Di sebaliknya, manusia yang berjaya mendidik hati dengan cahaya keimanan, ketakwaan serta menghiasi seluruh tingkah laku dengan amal soleh, maka mereka mendapat pengampunan, rahmat dan redha Allah. Mereka ini memiliki kecerdasan emosi, inteligensi dan

rohani. Mereka ini golongan yang segera menyedari, atau bertaubat ke jalan Tuhan.

إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا فَأُولَئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ
سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ٧٠

Kecuali orang-orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal soleh; maka itu kejahatan mereka diganti Allah dengan kebajikan. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (al-Furqan 25 : 70).

Di antara kriteria tingkah laku manusia terpuji ialah jika berbuat kesalahan segera menyedari, bertaubat dan terus mengerjakan kebaikan di tengah-tengah masyarakat.

Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Dr. Abang Ishar bin Abang Yaman, yang telah berjaya menulis karya ilmiah yang sangat bermanfaat ini dan saya menyeru kepada semua kalangan untuk membaca buku ini. Semoga ia menjadi satu amal soleh kepada penulis dan menambah ilmu kepada semua pembaca.

Harakah Islamiah (HIKMAH) Negeri Sarawak

Kuching, Rabu 4 Jumadil Awal 1438 H/1 Februari 2017 M

Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Abdul Aziz Bin Dato Haji Husain

PRAKATA PENULIS

Dengan rahmat Allah, buku yang bertajuk **PSIKOLOGI ISLAM** ini dapat diselesaikan penulisannya pada hari Selasa, 3 Jumadil Awal 1438 H/ 31 Januari 2017 M. Buku ini ditulis untuk memberi sumbangan ilmu psikologi yang bercorak Islam. Sesungguhnya buku seperti ini masih belum banyak beredar dalam kalangan masyarakat. Sekiranya ada, tetapi masih sangat terhad dan ditulis menggunakan pendekatan sekularisme.

Sains psikologi memiliki perkaitan yang rapat dengan ajaran Islam. Sebagai contoh, psikologi membincangkan masalah indera, jiwa dan otak manusia. Demikian juga al-Quran dan sunnah membincangkan indera, jiwa dan otak (*al-aql*) manusia secara universal. Bahkan penjelasan al-Quran dan sunnah tentang ketiga-tiga aspek itu lebih mendalam. Apabila sains psikologi membincangkan masalah tingkah laku, fenomena karakter dan corak pemikiran manusia secara umum. Sebaliknya, al-Quran 14 abad yang telah lalu menjelaskan pelbagai tingkah laku buruk dan baik, corak pemikiran manusia yang benar dan salah secara mendalam. Al-Quran dan sunnah juga menjelaskan kesan tingkah laku dan corak pemikiran manusia yang salah dan zalim akan membawa padah kepada diri mereka sendiri. Demikian juga tingkah laku dan pemikiran yang betul akan membawa kecemerlangan kepada diri sendiri, keturunan dan anggota masyarakat. Dengan demikian, ajaran Islam memberi maklumat yang komprehensif tentang psikologi manusia. Bahkan maklumat sains psikologi Islam lebih menakjubkan lagi dibandingkan dengan penjelasan ahli-ahli psikologi moden yang sekular.

Sarjana-sarjana Muslim hasil didikan Barat sering kali alpa. Mereka tidak mengetahui bahawa al-Quran dan sunnah merupakan lautan ilmu yang tiada bertepi dan bersedapadan. Akibat fikiran yang sekular ini menyebabkan mereka mendewa-dewakan teori-teori Barat

moden, kemudian menafikan sumbangan para sarjana Muslim serta menafikan ajaran Islam yang murni.

Buku ini ditulis untuk bacaan umum bagi memenuhi perkembangan semasa dan tanggungjawab penulis sebagai ilmuwan. Walaupun penulis telah berusaha dengan segala upaya mengadunkan ajaran Islam dengan beberapa pemikiran ahli-ahli psikologi Barat moden. Tetapi, bukanlah bermakna isi buku ini lebih baik dan terlepas dari sebarang kekurangan. Oleh itu, penulis mengharapkan kritikan yang membina dari semua kalangan ilmuwan dan intelektual supaya kelemahan-kelemahan yang ada dapat diperbaiki ke arah yang lebih baik di masa mendatang. Semoga semua kritikan itu, selain berfungsi untuk membina, dalam masa yang sama juga menjadi amal soleh bagi para pengkritik. Semoga dengan adanya kelemahan-kelemahan dan kesalahan dalam buku ini, sentiasa dapat memotivasi kerja keras penulis untuk memperbaikinya sambil beristighfar memohon keampunan, mencari keredhaan Allah serta keredhaan kedua ibu bapa khususnya *Almarhum* ayahnda Abang Yaman bin Abang Dari dan ibunda tercinta Utin Aida Binti Gusti Mustafa Achmad. Semoga keredhaan ibunda sentiasa memotivasi penulis sekeluarga untuk terus berkarya.

Demikian juga ketika penulisan buku ini, penulis selalu mendapat sokongan padu dari isteri tersayang Jaminah Binti Haji Saidi dan anak-anak *nan manja* (1) Puteri Nur Izamiah, (2) Abang Muhammad Ahlul Rakyi, (3) Abang Muhammad Ahlul Badri, dan (4) Puteri Nur Izzah. Semoga berkat cinta kasih anak-anak yang ikhlas ini menghantar kejayaan di dunia dan di akhirat. Amin.

Akhir sekali, penulis merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan ucapan terima kasih kepada *insan-insan* istimewa iaitu Datu Hj. Misnu Haji Taha (Yang Di-Pertua Majlis Islam Sarawak – merangkap Naib Yang Di-Pertua HIKMAH Sarawak), Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hj. Abdul Aziz Bin Haji Husain (Yang Dipertua HIKMAH), Datu Dr. Hj. Muhammad Abdullah bin Hj. Zaidel (Naib Yang Di-Pertua HIKMAH & merangkap Pengerusi JKK Pendidikan HIKMAH), Datu Hj. Abang Mohd. Shibli Bin Abang Mohd. Nailie (Setiausaha Agung Kehormat HIKMAH), Tuan Hj. Alwi Bin Hj. Morshidi (Ketua Setiausaha Eksekutif HIKMAH), Tuan Hj. Abdurahman bin Ahamat (Mantan Ketua Pegawai Dakwah HIKMAH), Prof. Dr. Shahren Bin Tun Ahmad Zaidi Aduce (Pengarah Institut Pengajian Borneo, UNIMAS), Abang Ekhsan Abang Othman (Dekan Fakulti Sains Kognitif dan

Pembangunan Manusia, UNIMAS), Prof. Madya Dr. Norsiah Fauzan, Prof. Madya Dr. Rusli Ahmad, Prof. Dr. Hj. Samion, M.Pd (Rektor IKIP STKIP Pontianak), Dr. Abdul Rachman Abrar, Dr. Syarif, MA (Rektor IAIN Pontianaka), Dr. Hermansyah (Timbalan Rektor IAIN Pontianak), Dr. Yusriadi, Prof. Dr. Hj. Abang Ahmad Redzuan Bin Abang Awit (Mantan Pengurus Sektor Pendidikan HIKMAH), & Ustaz Hj. Bahruddin Mansur (Pengetua PLD HIKMAH Batu 24), Disebabkan motivasi *insan-insan* istimewa ini sentiasa mendorong penulis untuk terus berkarya dan mencari keredhaan Allah. Semoga buku ini menjadi catatan amal soleh bagi saya dan memberi manfaat kepada pembaca.

Selasa, 3 Jumadil Awal 1438 H/31 Januari 2017 M
Ibu Pejabat HIKMAH Kuching, Sarawak,

DR. ABANG ISHAR BIN ABANG YAMAN, Ph.D

KANDUNGAN

Sekapur Sirih Tan Sri Datuk Amar (Dr) Abdul Aziz bin Dato Hj. Husain	iii
Prakata Penulis.....	v
Kandungan	ix
BAB 1 MEMAHAMI FENOMENA HATI.....	1
Mukadimah	1
Penyakit Psikologi dalam Hati.....	6
Riak.....	7
Ujub, Takbur dan Hasad.....	12
Jiwa Amarah.....	19
Lemah Semangat dan Malas	24
Bakhil.....	28
Panjang Angan-Angan	32
Tertawa dan Menangis	34
Berkata Yang Tidak Berfaedah & Kotor	42
Takut	49
BAB 2 TAMSIL HATI.....	56
Mukadimah	56
Sensitif dengan Kebenaran	57
Banyak Berzikir	60
Mencintai Allah.....	69
Sifat Sabar.....	75
Istiqamah Mengerjakan Ibadah.....	82

Sifat Ikhlas	86
Tawakal	92
Banyak Bersyukur.....	98
Redha	104
Sifat Takwa	109

BAB 3 PANCAINDERA DARI SUDUT ISLAM 117

Mukadimah	117
Organ Mulut.....	118
Berkata Yang Tidak Berfaedagh	125
Mulut Mengumpat	129
Mengadu Domba.....	130
Organ Hidung.....	136
Pernafasan	141
Organ Mata	144
Organ Telinga.....	158
Gelombang Suara.....	164
Sistem Auditoris.....	166
Mendengar Frekuensi Suara	169
Organ Kulit	173
Respons Terhadap Tekanan.....	173
Respons Terhadap Temperatur	175
Respons Terhadap Rasa Nyeri	175

BAB 4 FALSAFAH SOLAT 181

Mukadimah	181
Ciri-Ciri Solat Khusyuk	188
Muraqabah	189
Takzim.....	195
Mahabbah.....	202
Pelbagai Motivasi Cinta.....	207
Sifat Tadharru.....	211
Hati Gementar	214
Aktiviti Solat Membina Kecerdasan Emosional.....	216
Solat Membina Kecerdasan Intelektual	221

Tadabur al-Quran	224
Tadabur Wuduk	225
Falsafah Wuduk	226
Berpakaian Bersih	231
Berdiri Tegak, Membaca Surah Fatimah dan Surah Pilihan	236
Rukuk dan Iktidal	242
Sujud	246
Bangun Sujud dan Tasyahud	251
Memberi Salam	256

BAB 5 ANATOMI OTAK DARI SUDUT ISLAM..... 259

Mukadimah	259
Definisi Otak Menurut Islam	262
Memahami ayat-Ayat Allah di Sebalik Penciptaan Otak	272
Fungsi Setiap Area Otak	276
Otak Didedah	278
Berfikir dan Menyelesaikan Masalah	284
Islam Mencela Fikiran Taklid dan Jumud	291
Membuat Hipotesis	295
Mengingat Ilmu	298
Menemukan Kebenaran	303

BAB 6 KEBERKESANAN LABEL POSITIF IBU

BAPA KEPADA ANAK-ANAK 313

Mukadimah	313
Keberkesanan Label Positif	329
Perkembangan Emosi	331
Kecerdasan	335
Kalimat Sawaak	344
Kalimat Taqwa	345
Qaulan Sabit	346
Qaulan Syadidan	348
Qaulan Makruf	350
Qaulan Kariman	352
Kalimat Salam	357

Lisan Shidqin	361
Kesan Buruk Label Negatif Kepada Sahsiah.....	361
Kesan Buruk Label Negatif Kepada Kecerdasan.....	366
Perspektif Islam	368
Teori Jangkaan dan Kesan Pigmalion	372
Label Kecemerlangan Untuk Pelajar	375
Peranan Kata-Kata Pujian	376
Sebagai Motivasi.....	377
Sebagai Energi	380
Sebagai Doa	384
Sebagai Amal Soleh.....	387

BAB 7 TADABUR AL-QURAN DARI SUDUT SAINS

PSIKOLOGI.....	390
Mukadimah	395
Al-Quran Memertabatkan Akal Manusia.....	395
Berfikir Falsafah.....	397
Pandangan Para Ilmuwan Dunia.....	400
Fakta Jasad Firaun.....	421
Tinjauan Psikologi	423
Menghayati al-Quran	447
Meningkatkan Penghayatan al-Quran.....	452
Menghadirkan Hati Sebelum Tadabur al-Quran	454
Khusyuk Membaca al-Quran	456
Bibliografi	461
Biodata Abang Izhar	467

BAB 1

MEMAHAMI FENOMENA HATI

Mukadimah

Secara *lughawi*, perkataan hati adalah terjemahan dari bahasa Arab Wahyu iaitu “*al-qalb*”. Perkataan ‘*al-qalb*’ kemudian diserapkan ke dalam bahasa Melayu, menjadi *kalbu*, yang bermakna hati. Bentuk jamaknya disebut ‘*qulub*’, bermakna hati-hati, atau banyak hati. Kedua-dua bentuk istilah (*al-qalb*, atau *qulub*) ini sering kali digunakan oleh ayat-ayat al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW untuk menjelaskan tentang hakikat hidup manusia yang baik dan tidak baik. Selain itu, perkataan *al-qalb* (hati) sering kali digunakan oleh Rasulullah SAW bagi menggambarkan fakta saintifik mengenai kewujudan organ hati untuk semua manusia. Sebagai contoh, dalam hadis sahih Imam Bukhari dan Muslim, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa hati merupakan satu organ yang sangat penting bagi semua manusia. Pentingnya organ hati ini disebabkan ia menjadi penentu utama bagi menilai, atau mengkategorikan sama ada jasad manusia itu baik atau buruk. Organ hati itu yang memberi karakteristik kualiti kepada seluruh jasad (tubuh) manusia. Apabila organ hati itu baik, maka baiklah jasad manusia itu. Sebaliknya, jika organ hati itu rosak, maka rosaklah seluruh organ – kualiti jasad (tubuh) manusia itu. Diriwayatkan dari Amir berkata, aku mendengar Nu’man bin Basyir, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:


أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ
وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Ingatlah! Sesungguhnya pada setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila baik maka baiklah tubuh tersebut dan apabila rusak maka rusaklah tubuh tersebut. Ketahuilah, ia adalah hati”.

(Riwayat Bukhari, Kitab Iman (2), Bab Keutamaan Memelihara Agama (37),

Ibnu Rajab (dalam M. Abdul Qadir, 2005) menghuraikan hadis ini sebagai menentukan kualiti jasad dan rohani manusia. Keunggulan dan kebenaran tindakan hidup manusia dengan anggota tubuhnya, keikhlasan meninggalkan segala yang diharamkan dan menghindari segala *syubhat* (samar-samar) sangat bergantung kepada keikhlasan gerak hatinya. Jika hati manusia itu baik, ia akan dipenuhi rasa cinta kepada Allah, ia takut terjerumus ke dalam hal-hal yang dimurkai oleh Allah. Maka seluruh pergerakan dan tindakan anggota tubuhnya akan baik serta melahirkan kesediaan untuk mengerjakan perintah Allah. Bahkan seluruh anggota tubuh sentiasa terdorong untuk menghindari sesuatu yang haram sehingga kepada *syubhat* (samar-samar). Jika hati itu rosak, maka seluruh organ tubuh manusia akan dikuasai oleh hawa nafsu, memenuhi keperluan syahwat, meskipun ia dibenci oleh Allah. Seluruh tubuh manusia akan berhibur dengan kemegahan dan kesenangan dunia, yang akhirnya seluruh organ tubuh akan mempertuhankan kebendaan, kenikmatan yang singkat serta berguru kepada syaitan.

Ibnu Mas’ud meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:



فِي الْقَلْبِ لِمَتَانِ لِمَةٌ مِنَ الْمَلِكِ إِعَاذٌ بِالْخَيْرِ وَتَصْدِيقٌ بِالْحَقِّ. فَمَنْ وَجَدَ ذَلِكَ فَلْيَعْلَمْ أَنَّهُ
مِنَ اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَلِيُحْمَدَ اللَّهُ. وَلِمَةٌ مِنَ الْعَدُوِّ إِعَاذٌ بِالسُّرْرِ وَتَكْذِيبٌ بِالْحَقِّ وَنَهْيٌ عَنِ
الْخَيْرِ. فَمَنْ وَجَدَ ذَلِكَ فَلْيَسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Di dalam hati ada dua bisikan. Bisikan dari raja yang berlingkup kepada kebaikan dan membenarkan kebenaran. Barang siapa yang menemukan bisikan seperti itu, hendaklah dia mengetahui bahawa itu berasal dari Allah dan hendaklah dia membaca al-hamdulillah. Dan

bisikan dari musuh yang berlandung kepada keburukan, mendustakan kebenaran dan mencegah kebaikan. Barang siapa yang menemukan bisikan seperti itu, hendaklah dia memohon perlindungan kepada Allah dari godaan syaitan yang terkutuk.

(Riwayat Turmizi dan An-Nasai).

Menurut Al-Hasan (2005) “kedua bisikan dinyatakan dalam hadis ini sentiasa wujud dalam fikiran yang turut serta mempengaruhi keadaan hati. Fikiran yang bersumber dari Allah dan dari musuh Allah ini selalu membayangi hati manusia. Fikiran yang bersumber dari Allah selalu membimbing gerak-gerik tubuh untuk membina ketenangan hati, menambah keimanan dengan mengerjakan kebaikan dan ikhlas mengerjakan segala amal soleh. Sementara fikiran yang bersumber dari musuh Allah sentiasa menyuruh seluruh anggota tubuh mengerjakan keburukan, mencegah kebaikan dan suka memperhatikan hal-hal yang bersifat zahir serta memilih kesenangan yang sementara” (Syekh Muhammad Shalih Al-Munajjid, 1427 H/2006). Oleh itu, fikiran yang bersumber dari musuh ini diperangi habis-habisan, agar ia tidak menguasai seluruh tubuh. Akhirnya ia merosak seluruh anggota tubuh manusia untuk mengerjakan maksiat dan memusuhi Allah.

Dalam konteks fisiologi, perkataan “hati (*liver*)” merupakan organ tubuh yang berfungsi untuk menyalurkan perjalanan darah ke seluruh anggota badan. Ini bermakna organ hati adalah salah satu organ tubuh manusia yang paling penting untuk menjaga kelangsungan hidup manusia. Apabila hati rosak, maka manusia jatuh sakit kronik dan boleh mamatikan manusia dengan segera. Secara saintifik, Allah SWT memang telah mengatur fungsi hati bagi memelihara kelangsungan hidup yang berkualiti. Oleh itu, ajaran Islam sentiasa menyuruh orang-orang mukmin untuk menjaga hati dengan sebaik-baiknya, sama ada memelihara dalam konteks fisiologi atau memelihara dalam konteks rohani. Memelihara hati dalam konteks fisiologi adalah memberi makanan dengan makanan yang *halal* dan *thaiyiban*. Halal ertinya seluruh makanan yang dimakan dan diperlukan oleh hati harus diperoleh dengan jalan yang diredhai oleh Allah, tidak makanan yang haram dan syubhat (M. Abdul Qadir, 2005). *Thaiyiban* ertinya seluruh makanan yang masuk ke dalam tubuh yang membangun kecergasan tubuh,

termasuklah organ hati haruslah bergizi, bervitamin dan berprotein. Ini kerana seluruh makanan yang *thaiyiban* ini akan membina ketahanan tubuh dan memelihara kesihatan hati dari sebarang jangkitan penyakit. Sebab, jika manusia memiliki kesihatan jasmani, hati dan rohani, maka seluruh organ tubuh sentiasa berupaya melaksanakan ibadah, melaksanakan kerja-kerja kebaikan serta bermotivasi mencari keredhaan Allah.

Hati dalam konteks fizikal, perlu dipelihara secara medikal. Ertinya zahir atau organ hati itu perlu dipelihara secara berterusan dengan sebaik-baiknya. Terutama dari segi pemakanan, jangan sampai memakan makanan yang boleh merosak organ hati. Misalnya, semua jenis khamar dan rokok boleh menyebabkan kanser hati. Dapatan kajian di Jerman mendapati bahawa 40 orang dari pengidap penyakit kanser hati, jantung dan buah pinggang, 20 orang daripada mereka (50 %) berpunca kerana kuat minum khamar dan penagih berat rokok (Schroder, 2014). Ini ertinya khamar dan rokok membawa banyak mudharat kepada kesihatan hati. Mungkin inilah salah satu sebab mengapa Allah mengharamkan khamar kerana faktor kemudharatan yang ditimbulkan lebih besar daripada manfaatnya. Sebagaimana Allah berfirman:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ
لِلنَّاسِ وَأَثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ
الْعَفْوُ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ٩١٢

Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya terdapat dosa yang besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya". Dan mereka bertanya kepadamu apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: "Yang lebih dari keperluan". Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatnya kepadamu supaya kamu berfikir.

(*al-Baqarah* 2 : 219).

Dalam ayat ini, al-Quran mengatakan bahawa khamar (minuman yang memabukkan) itu ada manfaatnya, tetapi dosanya lebih besar daripada manfaatnya. Allah menghubungkan khamar itu dengan “fikiran” manusia. Maksudnya khamar yang masuk ke dalam tubuh (fizikal) boleh merosak beberapa bahagian organ yang penting. Misalnya, dengan ketagihan minum khamar dapat merosak sel-sel saraf dan neuron-neuron otak. Akibatnya segala potensi kecerdasan otak (*al-aql*) untuk mengingat, berfikir dan menyelesaikan masalah menjadi tumpul atau melemah. Atau mungkin seluruh neuron otak menjadi lumpuh. Selain itu, khamar dapat merosak organ hati.

Oleh yang demikian, organ hati perlu dijaga dengan pemakanan yang halal dan *thaiyiban*. Ini kerana pemakanan itu, hati akan dapat berfungsi mengikut proses sunnatullah, selain melaksanakan fungsi-fungsi yang bersifat kerohanian. Dengan demikian, takrif hati dalam perspektif psikologi Islam memiliki korelasi dengan nilai-nilai tauhid. Dengan perkataan lain, hati (*al-qalb*) adalah organ tubuh manusia yang melaksanakan tugas-tugas jasmani (makan makanan yang halal dan *thaiyiban*) dan fungsi-fungsi rohani (tempat keimanan) manusia. Ertinya kedua-dua jenis tugas dan fungsi ini perlu diberi perhatian kepada hati. Apabila diabaikan kedua-dua tugas dan fungsi hati ini, maka kehidupan manusia menjadi tempang dan kurang bermakna. Oleh itu, organ hati yang sihat secara zahir itu perlu diisi dengan keimanan dan ketakwaan. Dengan perkataan lain, hati menjadi pusat penyakit psikologi berupa ‘penyakit hasad dengki’. Tetapi hati juga pusat “kekuatan jiwa” manusia yang beriman dan bertakwa. Oleh itu, supaya hati itu dapat melaksanakan tugas dan fungsinya secara optimum dalam konteks kekuatan jiwa, maka hati haruslah dididik dengan latihan-latihan ibadah, zikir, istighfar, belajar, membaca al-Quran dan mengerjakan amal soleh. Semakin disiplin mengerjakan ibadah, semakin banyak zikir dan istighfar dan semakin cinta lisan membaca ayat-ayat al-Quran, maka semakin bersih dan beninglah hati itu. Dengan demikian jiwa manusia menjadi kuat. Manusia yang memiliki hati yang bersih dan bening tidak takut mengharungi cabaran dunia. Mereka tidak takut dan bimbang dengan kemiskinan, kedudukan dan jatuh miskin. Mereka hanya takut kepada Allah semata-mata. Sebab itu, mereka sentiasa disiplin mencari keredhaan Allah dalam semua keadaan dan kesempatan. Semuanya bermula dari organ “hati (*al-qalb*)”.

PENYAKIT PSIKOLOGI DALAM HATI

Organ hati secara psikologi menyimpan penyakit-penyakit yang sangat berbahaya jika tidak diubati segera. Dalam al-Quran, banyak ayat yang menjelaskan tentang hati (*al-qalb, qulub*) yang berpenyakit. Bahkan jika manusia tidak menginsafinya, maka penyakit hati itu akan ditambah dengan pelbagai penyakit oleh Allah. Sebagaimana Allah berfirman:

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا
يَكْذِبُونَ ٠١

Dalam hati mereka ada penyakit, lalu ditambah Allah penyakitnya; dan bagi mereka siksa yang pedih, disebabkan mereka berdusta.

(*al-Baqarah 2 : 10*).

Manusia memiliki hati yang berpenyakit suka bersikap munafik dan berpura-pura di hadapan manusia lain. Bahkan di hadapan para nabi dan rasulnya mereka sanggup bersifat munafik. Munafik ertinya lain di mulut lain di hati. Mulut bercakap beriman, tetapinya kufur terhadap Allah. Di hadapan khalayak ramai orang mukmin dia berbuat baik, memuji dan setia, tetapi di belakang dia berbuat jahat, memaki dan mencerca. Lantaran itulah Allah menambah penyakit hati mereka, bahkan Allah mengunci mati hati dan pendengaran mereka. Keseluruhan manusia yang memiliki banyak penyakit hati ini akan mendapat azab Allah yang dahsyat. Sebagaimana Allah berfirman:

خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ وَعَلَىٰ أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةً
وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ٧

Allah telah mengunci-mati hati dan pendengaran mereka, dan penglihatan mereka ditutup. Dan bagi mereka siksa yang amat berat.

(*al-Baqarah 2 : 7*).

Ayat al-Quran juga ada yang menjelaskan sifat hati manusia yang berpenyakit itu bagaikan “*batu yang sangat keras*”. Hati yang digambarkan sebagai batu ini menggambarkan sifat hati yang terlalu keras. Disebabkan terlalu kerasnya, ia tidak dapat menerima seruan dan dakwah kepada jalan yang benar. Walaupun yang menyampaikan kebenaran itu adalah seorang rasul Allah dan wahyu al-Quran. Sebagaimana Allah berfirman:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبَكُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ
 قَسْوَةً وَإِنَّ مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ الْأَنْهَارُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا
 يَشَقَّقُ فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ
 وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ٤٧

Kemudian setelah itu hatimu menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal di antara batu-batu itu sungguh ada yang mengalir sungai-sungai dari padanya dan di antaranya sungguh ada yang terbelah lalu keluarlah mata air dari padanya dan di antaranya sungguh ada yang meluncur jatuh, kerana takut kepada Allah. Dan Allah sekali-sekali tidak lengah dari apa yang kamu kerjakan.

(al-Baqarah 2 : 74).

Hati seperti ini adalah memiliki penyakit yang sangat kronik. Semua ubat yang diberikan tidak berkesan dan tidak mampu menyembuhkannya. Maknanya segala kebenaran wahyu yang disampaikan langsung tidak dapat memberi respon kebaikan. Bahkan hatinya mengejek, menolak dan menafikan zat Allah serta mencela utusan Allah yang paling mulia, berupa Rasulullah SAW.

RIAK

Riak adalah perkataan yang berasal dari bahasa Arab, yakni dari akar kata ‘*al-riyaa*’, yang bermaksud menunjuk-nunjuk, atau memperlihatkan zahir kepada orang lain. Rasulullah SAW menghubungkaitkan perkataan

“riak” dengan syirik kecil (*khafi*). Sebagaimana diriwayatkan dari Abu Said al-Khudri ra berkata, Rasulullah SAW keluar menghampiri kami, ketika kami saling mengingatkan tentang al-Masih Dajjal, maka beliau bersabda:

أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِمَا هُوَ أَخَوْفُ عَلَيْكُمْ عِنْدِي مِنَ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ
قَالَ قُلْنَا بَلَى فَقَالَ الشِّرْكَ الحَنَفِيُّ أَنْ يَقُومَ الرَّجُلُ يُصَلِّي
فِيهِ صَلَاتَهُ لِمَا يَرَى مِنْ نَظَرِ رَجُلٍ

Mahukah kalian aku beritahukan sesuatu yang lebih aku takutkan terhadap diri kalian dari al-Masih Dajjal? (Abu Said al-Khudri) berkata ‘kami menjawab, ‘tentu.’ Beliau bersabda: ‘Perbuatan syirik yang tersembunyi. Iaitu seseorang mengerjakan salat dan menghiasi salatnya dengan harapan agar seseorang melihatnya’.

(Riwayat Ibnu Majah, Kitab Zuhud (37), Bab Riak dan Berbangga Diri (21), no. hadis 3408-4279). Menurut Ibnu Majah, kedudukan hadis sahih.

Masih dalam riwayat Abu Said al-Khudri, dari Nabi SAW bersabda:

مَنْ يُسْمِعُ يُسْمِعَ اللَّهُ بِهِ وَمَنْ يُرَاءِ يُرَاءِ اللَّهُ بِهِ

Barang siapa ingin didengar amalnya, niscaya Allah akan mendengarnya. Dan barang siapa berbuat kerana riak (angkuh), niscaya Allah akan berbuat angkuh kepadanya.

(Riwayat Ibnu Majah, Kitab Zuhud (37), Bab Riak dan Berbangga Diri (21), no. hadis 3409-4281). Menurut Ibnu Majah, kedudukan hadis sahih.

Sedangkan dari riwayat Jundab, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُرَاءِ إِرَاءَ اللَّهِ بِهِ وَمَنْ يُسْمَعُ يُسْمَعُ اللَّهُ بِهِ

Barang siapa berbuat riak (angkuh), niscaya Allah akan berbuat riak (angkuh) kepadanya. Dan barang siapa ingin didengar amalnya, niscaya Allah akan mendengarkannya.

(Riwayat Ibnu Majah, Kitab Zuhud (37), Bab Riak dan Berbangga Diri (21), no. hadis 3410-4282). Menurut Ibnu Majah, kedudukan hadis sahih.

Perkataan *riak* merupakan akar kata “*rukayah*”. Ulama menisbahkan *riak* dengan faktor dalaman manusia yang berkaitrapat dengan “sifat hati” dan luaran, atau tindakan manusia di hadapan orang lain. Hati mendorong dari dalam, lalu tindakan melaksanakan arahan itu. Kemudian memperlihatkan perbuatan baiknya di hadapan orang baik dan orang-orang mukmin. Dengan harapan apabila perbuatan baik yang dikerjakan itu segera mendapat pujian orang ramai. Memang sepintas, jika orang-orang kebanyakan memperhatikan zahir perbuatan itu adalah baik, atau memujinya sebagai amal soleh, tetapi hakikatnya tidak ikhlas dan tercela. Oleh itu, ibadah dan amal soleh yang dikerjakan dengan *riak* menjadi sia-sia. Sebagaimana Allah berfirman:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ۚ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ۝ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ٦

Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang solat. (Iaitu) orang-orang yang lalai dari solatnya. Orang-orang yang berbuat riak.

(*al-Ma'un 107 : 4-6*).

Dalam ayat ini, Allah menghubungkan ibadah solat dengan sifat *riak*, dengan memberi penekanan bahawa kecelakaan bagi orang-orang yang lalai mengerjakan solat, atau sekiranya dia mengerjakan solat tetapi untuk bersikap *riak* terhadap manusia lain ketika dia mengerjakan ibadah-ibadah lain sentiasa memperhatikan sikap *riak* di hadapan khalayak ramai orang-orang mukmin. Oleh sebab itu, sifat *riak*

ini dicela oleh Allah. Seluruh amal ibadah mereka tidak mendatangkan sebarang kebaikan dan pahala. Bagi mereka yang bersikap *riak*, mungkin sahaja mereka menganggap sifat *riak* sebagai suatu kebaikan atau sebagai amal ibadah. Tetapi hakikatnya tidak. Orang-orang kafir memang selalu mendakwa dirinya berbuat baik, tetapi hakikatnya perbuatan baik mereka sebenar penuh dengan sifat berpura-pura, atau pisau bermata dua. Di hati mereka penuh dengan sel-sel kemunafikan yang bercampur-aduk dengan sel-sel marxisme. Oleh itu, hati seperti ini menjadi pusat penyakit psikologi. Allah memberitahukan orang-orang mukmin bahawa hati seperti ini sebenarnya telah tertutup rapat (*qulubun ghulf*). Hati seperti ini tidak akan berupaya menerima hidayah Allah, sebab setiap sel organ hati itu telah dijangkiti virus syirik. Sebagaimana Allah berfirman:

وَقَالُوا قُلُوبُنَا غُلْفٌ بَل لَّعَنَهُمُ اللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا مَّا يُؤْمِنُونَ

Dan mereka berkata: "Hati kami tertutup". Tetapi sebenarnya Allah telah mengutuk mereka kerana keingkaran mereka; maka sedikit sekali mereka yang beriman.

(*al-Baqarah 2 : 88*).

Disebab terlalu bahaya penyakit *riak* yang menguasai hati manusia, maka Allah mengingatkan orang-orang beriman supaya menjauhi sifat-sifat *riak* dalam setiap tindakan. Kerana sifat *riak* itu ibaratkan api memakan sekam. Semua amal kebaikan menjadi hapus dan tidak mendatangkan kebaikan. Oleh itu, jauhilah sifat *riak*. Sebagaimana Allah berfirman:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَبْطُلُوا صِدْقَتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى
كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا
لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ

الْكَافِرِينَ ٤٦٢

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan si penerima), seperti orang yang menafkahkan hartanya kerana riak kepada manusia dan dia tidak beriman kepada Allah dan hari kemudian. Maka perumpamaan orang itu seperti batu licin yang di atasnya ada tanah, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu menjadilah dia bersih (tidak bertanah). Mereka tidak menguasai sesuatupun dari apa yang mereka usahakan; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir.

(al-Baqarah 2 : 264).

Allah berfirman lagi:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بَطْرًا وَرِئَاءَ النَّاسِ
وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَاللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ٧٤

Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang keluar dari kampungnya dengan rasa angkuh dan dengan maksud riak kepada manusia serta menghalangi (orang) dari jalan Allah. Dan (ilmu) Allah meliputi apa yang mereka kerjakan.

(al-Anfal 8 : 47).

Berdasarkan kedua-dua dalil ini, jelaslah sifat *riak* merupakan amalan orang-orang munafik, kufur dan tidak beriman kepada Allah dan RasulNya. Hati mereka mengingkari Allah dan menolak kerasulan Muhammad SAW. Allah mengumpamakan perbuatan mereka menafkahkan harta mereka seperti batu licin (*kamasali safwanin*) yang di atasnya ada tanah. Apabila batu itu ditimpa hujan yang lebat, lalu batu itu menjadi bersih atau tidak bertanah sedikit pun. Maknanya seluruh perbuatan dan amal itu menjadi musnah dalam sekelip mata

sahaja. Siapa sahaja insan yang memiliki hati yang riak, maka ibadah dan amal soleh mereka menjadi hapus dengan serta merta. Oleh itu, orang-orang mukmin sentiasa dinasihati supaya meninggalkan sifat *riak* dalam kehidupannya.

UJUB, TAKBUR DAN HASAD

Ketiga-tiga sifat ini memiliki persamaan dari segi kriteria dan amalan, tetapi berlainan dari segi tujuan dan keperluan. *Ujub* adalah sifat membanggakan diri disebabkan kelebihan-kelebihan yang ada diri seseorang itu. *Takbur* adalah sifat merendah-rendah orang lain, lalu mencela dan mencemuhnya. Sementara hasad adalah sikap irihati, cemburu terhadap kelebihan-kelebihan orang lain, lalu berusaha untuk menghancurkan kelebihan-kelebihan itu dengan tindakan-amalan nyata. Misalnya, seseorang bersifat irihati dan cemburu terhadap kawannya kerana cepat naik pangkat, atau cemburu dengan kawannya kerana mendapat gaji besar. Lalu dia memusuhi kawannya atau mengambil beberapa tindakan untuk menghalang supaya kawannya itu diturunkan pangkat dan dikurangnya gajinya. Kerap kali seseorang yang hasad itu mengambil tindakan yang bersifat fizikal, seperti menzalimi atau membunuh orang yang didengkinya.

Dalam penyebaran agama, kerap kali sifat *ujub, takbur dan hasad* menyebabkan antara kedua-dua belah pihak saling menganggap dirinya lebih benar, lebih kuat, lebih banyak, lebih berkuasa dan ikhlas, tetapi hakikatnya dendam, permusuhan dan penganiayaan. *Ujub, takbur dan hasad* adalah bersumber dari dorongan hati yang berpenyakit, dendam dan keras. Dari segi sains kognitif, *ujub, takbur dan hasad* bersumber dari tekanan pergerakan neuron-neuron yang tidak selari. Akibatnya neuron-neuron otak memiliki tekanan pada sistem limbik menjadi lemah. Kemudian impuls neuron limbik mengirim pesanan kepada hati. Kesannya, hati menjadi bercelaru dan tidak tenang. Itulah sebabnya individu yang *ujub, takbur dan hasad* hakikatnya hati mereka tidak tenteram. Inilah yang dinamakan penyakit (*maradh*), atau hati yang tertutup (*qalibun ghulf*), atau hati yang keras (*qasad qulub*), bahkan hati yang lebih keras dari batu (*asyaddu qaswah*). Fakta sains mengatakan bahawa hati seperti ini tidak akan berupaya mencapai ketenangan, walaupun zahirnya tenang. Ini kerana seluruh sel-sel neuron dan sel-sel jahat hati telah berpadu menjadi satu. Sel-sel neuron otak dan sel-sel jahat itu telah rosak, kerana dipenuhi penyakit psikologi. Oleh itu, hati

seperti ini penuh dengan tekanan jahat, penuh dengan bisikan dendam, menolak ilmu dan hidayah Allah. Akibatnya hati menjadi bimbang, resah, gelisah dan dikuasai oleh syaitan.

Ketiga-tiga sifat ini sangat berbahaya bagi orang-orang mukmin. Apabila tidak segera diubati dengan terapi rohani yang bercorak *quraniyah*, maka boleh membinasakan tubuh dan segala tindakan. Selain itu, *ujub, takbur dan hasad* boleh memutuskan hubungan silaturahmi (kasih sayang) antara orang-orang mukmin. Dalam masa yang sama akan menimbulkan permusuhan dalam perhubungan antara sesama manusia, merosak akhlak dan menghapus pahala amal. Dalam hubungan sosial, manusia menjadi angkuh dan sombong terhadap manusia lain. Oleh sebab itu, al-Quran mencela dan melarang ketiga-tiga sifat tersebut. Sebagaimana Allah berfirman:

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ
اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ۝ ٨١ وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ
وَأَعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ

Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia (karena sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri. Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keledai.

(Luqman 31 : 18-19).

Apabila neuron-neuron otak dan sel-sel hati telah sebatu dalam keburukan. Perasaan irihati, dengki dan cemburu akan mendesak hati supaya berterusan mempertahankan ego. Mempertahankan nilai “*super-ego*”, seperti yang dijelaskan Frued mengenai ego manusia. Tekanan *super-ego* dianalogikan oleh Frued sebagai tekanan “seks” manusia. Disebabkan tekanan *super-ego*, atau *super-ego* itu sendiri telah bersarang ke dalam hati. Itulah sebabnya, fikiran dan hati Frued

menganggap semua kehidupan manusia berasaskan seks. Dari dorongan seks kepada amalan seks, sehingga Frued menafikan ajaran agama, termasuklah menafikan wahyu al-Quran, ajaran Islam untuk semua manusia dan kebenaran yang mutlak. Bagi Frued (1972), dalam teori psikoanalisisnya, bahawa semua manusia didorong oleh seks, termasuk keyakinan terhadap agama juga bermula dari dorongan seks, tidak ada korelasinya dengan Tuhan. Keyakinan manusia dengan Tuhan, oleh Frued hanya dianalogikan sebagai “candu” dan bayangan di cermin, atau satu bayangan di alam maya, bukan sebenar. Oleh sebab itu, semua kehidupan, pencapaian kebendaan, prestasi kehidupan dan kepepularan seseorang berpunca dari seks. Manusia hidup dan mati hanya untuk seks.

Amalan *ujub dan takbur* bersumber dari bisikan syaitan. Sifat *ujub dan takbur* yang mendorong iblis, atau syaitan tidak mahu sujud (menghormati) kepada Adam bersama para malaikat. Kisah sejarah ini dijelaskan berulang-ulangkali oleh Kitab al-Quran. Di antaranya Allah berfirman:

فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ ٠٣ إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى أَنْ
يَكُونَ مَعَ السَّاجِدِينَ ١٣ قَالَ يَا إِبْلِيسُ مَا لَكَ أَلَّا تَكُونَ
مَعَ السَّاجِدِينَ ٢٣ قَالَ لَمْ أَكُنْ لِأَسْجُدَ لِبَشَرٍ خَلَقْتَهُ مِنْ
صَلْصَلٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ٣٣

Maka bersujudlah para malaikat itu semuanya bersama-sama. Kecuali iblis. Ia enggan ikut bersama-sama (malaikat) yang sujud itu. Allah berfirman: “Hai iblis, apa sebabnya kamu tidak (ikut sujud) bersama-sama mereka yang sujud itu? Berkata Iblis: “Aku sekali-kali tidak akan sujud kepada manusia yang Engkau telah menciptakannya dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk.

(al-Hijr 15 : 30-33).

Dalam ayat ini al-Quran menggunakan istilah “enggan (*aba*)”. Istilah “*aba*” ini menunjukkan sifat iblis enggan bersama-sama malaikat untuk sujud kepada Adam. Makna sujud di sini adalah memberi penghormatan kepada Adam, bukan sujud dalam konteks ibadah dalam solat. Argumentasi yang diberikan iblis, syaitan tidak mahu sujud kepada Adam kerana ia (iblis) menganggap Adam (manusia) diciptakan dari tanah liat kering hitam yang diberi bentuk (*salsalin min hama-in masnun*). Kalimat “*salsalin min hama-in masnun*” ini merupakan satu penghinaan iblis terhadap Adam. Menurut iblis, Adam adalah makhluk yang hina-dina, sebab itu ia tidak mahu sujud. Dalam ayat lain, al-Quran menggunakan perkataan “*aba dan istikbara (enggan dan sombong)*”. Sebagaimana Allah berfirman:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى
وَأَسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ٤٣

Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: “Sujudlah kamu kepada Adam,” maka sujudlah mereka kecuali Iblis; ia enggan dan takabur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir.

(*al-Baqarah 2 : 34*).

Perkataan *aba dan istikbara* (enggan dan sombong) ini menggambarkan otak (*al-aql*) dan hati (*al-qalb, fuad*) iblis telah menjadi satu bentuk penyakit kanser otak dan hati. Satu penyakit kanser yang paling berbahaya dan kronik. Hati ini tidak dapat diubati lagi. Oleh itu, apabila Allah memerintahkan Iblis supaya sujud (memberi penghormatan) kepada Adam (manusia pertama itu), spontan *super-ego* iblis menjawab:

أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ ٢١

“Aku lebih baik dari dia (Adam). Engkau ciptakan aku dari api dan dia (Adam) Engkau ciptakan dari tanah”

(*al-A'raf 7 : 12*).

Oleh yang demikian, siapa sahaja golongan manusia hari ini, yang memiliki otak dan hati “super-ego”, atau “*abaa dan istikbaara* (enggan dan sombong), bermakna manusia itu dijangkiti oleh virus penyakit berjangkit iblis. Manusia seperti ini akan secara berterusan menafikan wujud Tuhan, seperti apa yang diyakini oleh para penganut marxisme, komunisme, ateisme, liberalisme dan materialisme. Selain itu, manusia seperti ini terlalu *ujub* (membanggakan diri) dan takbur (sombong), kerana mereka menganggap diri mereka sebagai manusia yang berilmu, benar dan berfikir ilmiah. Tetapi hakikatnya menyimpang dan batil. Mereka juga menganggap diri mereka sebagai orang yang berbuat baik dan memperjuangkan kebenaran, tetapi sebenarnya mereka manusia yang jahat dan sesat. Sebagaimana Allah berfirman:

الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيَّهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ
يُحْسِنُونَ صُنْعًا ٤٠١

(Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia perbuatannya dalam kehidupan dunia ini, sedangkan mereka menyangka bahwa mereka berbuat sebaik-baiknya.

(al-Kahfi 18 : 104).

Perasaan *ujub* (bangga diri) dan takbur (sombong) pernah menguasai hati orang-orang mukmin di zaman Rasulullah SAW. Disebabkan *ujub* dan takbur bersarang dalam hati, orang-orang mukmin terlalu yakin dengan bilangan mereka yang banyak semasa perang Hunain. Tetapi perasaan *ujub* (bangga diri) dan takbur akhirnya ditegur oleh Allah. Sebagaimana Allah berfirman:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ
فَأَمَّ تُعْنٍ عَنْكُمْ شَيْئًا وَصَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ
وَلَيْتُمْ مُدْبِرِينَ ٥٢

Sesungguhnya Allah telah menolong kamu (hai para mukminin) di medan peperangan yang banyak, dan (ingatlah) peperangan Hunain, iaitu diwaktu kamu menjadi ujub karena banyaknya jumlah(mu), maka jumlah yang banyak itu tidak memberi manfaat kepadamu sedikitpun, dan bumi yang luas itu telah terasa sempit olehmu, kemudian kamu lari kebelakang dengan bercerai-berai.

(al-Taubah 9 : 25).

Allah berfirman lagi:

وَوَظَنُوا أَنَّهُمْ مَّا نَعْتَمُهُمْ حُصُونَهُمْ مِّنَ اللَّهِ فَاتَّخَذَهُمُ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا ۗ

Dan mereka menyangka bahwa benteng-benteng mereka dapat mempertahankan mereka dari (seksa) Allah; maka Allah mendatangkan kepada mereka (hukuman) dari arah yang tidak mereka sangka-sangka.

(al-Hasyar 59 : 2).

Kedua-dua ayat di atas menjelaskan bahawa orang-orang mukmin dahulu telah dijangkiti penyakit virus *ujub* (bangga diri) dan takbur. Mereka mengira bilangan mereka yang banyak jumlah dengan mudah mengalahkan musuh, tetapi bilangan yang banyak itu ternyata tidak membawa sebarang manfaat. Akhirnya kaum Muslimin hampir-hampir kalah dalam perang Uhud. Demikian juga orang-orang kafir yang telah dihinggapi perasaan ujub (bangga diri) dan takbur di dalam hati, mereka mengira diri mereka memiliki benteng-benteng yang kuat yang dapat melindungi mereka dari azab, tetapi justeru benteng-benteng kuat terlalu mudah dimusnahkan oleh Allah.

Ibnu Mas'ud berkata: “Kebinasaan itu terdapat pada dua hal iaitu putus asa dan ujub (bangga diri) dalam hati” (Hamka, 1994). Putus asa bermakna tidak berusaha bersungguh-sungguh dan tidak mahu bekerja. Sementara *ujub* (bangga diri) merasa bahawa dirinya telah bahagia dan telah mendapatkan apa dia inginkan, maka dia menjadi malas berusaha

lagi. Orang-orang yang memiliki sifat *ujub* tertipu dengan dirinya dan pendapat dirinya sendiri, merasa selamat dari azab Allah, merasa memiliki kedudukan yang tinggi di sisi Allah dan manusia, tidak mahu mendengar nasihat orang lain. Sifat *ujub* dalam ibadah, membuat seseorang merasa cukup baik dan betul ibadah yang dikerjakan serta tidak mahu bertanya dengan ulama. Akibatnya mereka beribadah tanpa ilmu dan merasa dirinya telah masuk syurga, tetapi sebenarnya batil. Begitulah bahaya sifat *ujub* dan sombong jika ia telah merasuki hati manusia.

Demikian juga sifat *hasad* (irihati, dengki) merupakan salah satu penyakit psikologi yang berkaitrapat dengan hati. Sifat *hasad* boleh memutuskan hubungan *silaturahmi* dan perasaan ukhuwah antara sesama orang-orang mukmin. Sifat *hasad* boleh merosak amal kebaikan seseorang. Oleh itu, al-Quran mengajarkan kepada orang-orang mukmin supaya berlindung dari kejahatan orang-orang yang *hasad*. Sebagaimana Allah berfirman:

وَمِنْ شَرِّ اللَّائِيَاتِ فِي الْعُقَدِ ۚ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ

Dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada buhul-buhul. Dan dari kejahatan pendengki bila ia dengki”

(al-Falaq 113 : 4-5).

Rasulullah SAW sendiri pernah disihir oleh wanita Yahudi yang memiliki sifat *hasad* (dengki). Akibat dari sihir wanita Yahudi itu, Rasulullah SAW ditimpa sakit yang teruk. Kemudian dua malaikat telah datang menjenguk Rasulullah SAW. Satu malaikat duduk berhampiran kepala baginda dan satunya lagi duduk di sebelah kaki baginda SAW. Berkata malaikat yang duduk di sebelah kaki, kepada malaikat yang duduk berhampiran kepala baginda SAW. “Apa yang engkau lihat?” Jawab malaikat di sebelah kepala : “Dia terkena guna-guna”. Malaikat sebelah kaki bertanya lagi, “Apakah guna-guna itu?” Malaikat di kepala menjawab, “guna-guna itu adalah sihir”. Tanya malaikat di sebelah kaki, “Siapakah yang membuat sihir itu?”Malaikat itu menjawab, “Labib bin al-Asham Al-Yahudi. Sihirnya adalah berupa gulungan-gulungan yang disimpan di dalam perigi keluarga di Fulan di bawah sebiji batu besar.